

Biar tak popular asal berjaya perkasa institusi, pulih ekonomi

- Pentingnya dasar seperti Malaysia MADANI dan Ekonomi MADANI kerana Anwar boleh mengubah sentimen itu sekiranya Kerajaan Perpaduan dapat melonjakkan pertumbuhan ekonomi

- Parti gabungan PH perlu memfokuskan pembinaan semula struktur parti di kawasan Melayu sebagai asas untuk mendekati dan meyakinkan pengundi

Oleh Ibrahim Suffian
bhrencana@bh.com.my



Pengarah Eksekutif
Merdeka Center

Prestasi pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam tempoh setahun ini secara keseluruhannya positif dalam hasrat menambah baik tadbir urus kerajaan dan tumpuan menjana pertumbuhan ekonomi negara berdasarkan pelbagai lawatan ke negara rakan dagang untuk menambah pelaburan ke negara ini.

Dalam konteks tindakan mengatasi kos harga barang tinggi dan dasar menambah baik pendapatan pekerja seperti gaji minimum serta dasar gaji progresif dan pelan induk industri pula, ia memerlukan masa direalisasikan, tetapi landasannya betul dengan syarat bagaimana jentera Kerajaan Perpaduan melaksanakannya secepat mungkin.

Diakui ada rintangan luar kawalan seperti faktor geopolitik dan perubahan iklim memberi kesan terus kepada pertumbuhan ekonomi serta poket rakyat seperti keputusan India menghentikan eksport beras meningkatkan harga pada peringkat global ataupun kelembapan ekonomi China yang juga rakan dagang terbesar Malaysia memperlihatkan pengurangan kedatangan pelancong.

Namun, kita dapat melihat pentadbiran ini agak anjal mendepani masalah berbangkit seperti tindakan membeli beras dari negara lain meskipun harga sudah naik, selain memberi kelonggaran lawatan tanpa visa tidak melebihi 30 hari kepada pelawat dari China mulai bulan depan.

Ia memberikan gambaran perjalanan setahun Anwar dan Kerajaan Perpaduan, tetapi masih banyak perlu dilakukan lagi untuk tahun mendatang. Namun, kita perlu mengakui kedudukan Anwar hari ini adalah suatu perjalanan selama 25 tahun penuh liku dan ranjau.

Di kemuncak kerjaya kini, tugas dan harapan tentu berubah. Anwar juga perlu mengotakan apa dilaungkan selama tempoh itu dan melakukan apa terbaik untuk negara walaupun perit serta sukar diterima rakyat.

Hakikatnya, ia amat sukar terutama dalam sistem demokrasi dan media terbuka kerana beliau bukan sahaja berdepan barisan pembangkang kuat di Parlimen, malah kritikan lantang rakyat biasa di media sosial. Ia berbeza dengan 25 tahun lalu kerana kerajaan kini tidak lagi memonopoli penyampaian maklumat, jauh sekali memberkas sesiapa mengkritik sewenang-wenangnya kerana akan berdepan reaksi rakyat.

Pada masa sama, negara berada dalam perangkap pendapatan menengah hampir 30 tahun sebenarnya menjadi punca sebenar sikap tidak puas hati me-

warnakan sentimen rakyat.

Kedudukan kewangan kerajaan juga mencabar akaun semasa kini berada dalam defisit dengan pendapatan lebih rendah daripada perbelanjaan operasi dan pembayaran hutang (*debt servicing*), sekali gus bermakna kerajaan kini perlu meminjam untuk membayar pinjaman.

Ia menuntut Anwar membuat pilihan sukar dalam melakukan terbaik, tetapi tidak popular atau melakukan perkara popular tanpa menyelesaikan masalah pokok.

Dasar lonjakkan pendapatan

Justeru, Anwar perlu melaksanakan apa yang perlu untuk mengatasi masalah sistemik untuk kelangsungan jangka panjang. Langkah tidak popular, tetapi perlu untuk memperkukuh kedudukan kerajaan termasuk penjimatan, kawalan urus tadbir, reformasi subsidi dan percukaian.

Langkah ini akan memberi ruang kepada kerajaan mendapat sumber untuk membantu rakyat seperti pelaksanaan dasar melonjakkan pendapatan, insentif kepada syarikat swasta, jaringan keselamatan sosial, penggajian dan reformasi dasar guna tenaga.

Pelaksanaan reformasi seperti ini akan memerlukan masa agak panjang ibarat pil pahit perlu ditelan untuk mengubati penyakit lama membarah. Bagaimanapun, Anwar memiliki kelebihan dari segi kedudukan stabil hingga Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) kerana tahap kerjasama baik antara UMNO dan Pakatan Harapan (PH).

Tinggal lagi Anwar perlu meyakinkan parti rakan untuk menyokong reformasi dasar kerajaan tidak popular dan mentadbir lebih efisien dan bersih.

Parti komponen juga perlu digalakkan melakukan perubahan dalaman supaya lebih relevan dan dapat menarik semula dokongan pengundi yang masih skeptikal atau sangsi serta pengundi baharu. Ini menjadikan mereka tidak lagi boleh selesa dengan rekod prestasi masa lampau atau terlalu bergantung dengan imej pemimpin.

Senario Pilihan Raya Negeri (PRN) Ogos lalu menunjukkan hampir dua pertiga pengundi Melayu di enam negeri memilih Perikatan Nasional (PN), sekali gus menjadi petanda besar kepada masa depan parti seperti UMNO.

Perlu ada kesedaran bahawa sesetengah pemimpin idola ditolak rakyat, maka ia menuntut keperluan mencari tokoh dan bakat baharu untuk meyakinkan rakyat bahawa mereka sudah mempelajari kesiapan lalu dan bermuhasabah melakukan perubahan ke arah kebaikan.

Malah, keputusan PRN atau PRU15 sebelum itu juga bukan hanya petunjuk kepada parti seperti UMNO, bahkan jelas menunjukkan sikap pengundi Melayu ragu terhadap komitmen PH terhadap agenda Melayu memandangkan ia suatu gabungan pel-

bagai kaum dalam keadaan UMNO masih terpalit dengan imej bermasalah dan kepemimpinan tidak diyakini.

Di sinilah pentingnya dasar seperti Malaysia MADANI dan Ekonomi MADANI kerana Anwar boleh mengubah sentimen itu sekiranya Kerajaan Perpaduan dapat melonjakkan pertumbuhan ekonomi, sekali gus melaksanakan inisiatif yang akan meningkatkan pendapatan serta membantu rakyat mengatasi kekangan kehidupan.

Ia boleh dilakukan jika Anwar mendapat sokongan penuh jentera penjawat awam dalam melaksanakan dasar perlu, tetapi tidak popular tanpa mengabaikan keperluan mengekalkan komitmen pada prinsip urus tadbir serta keluhuran undang-undang. Hakikatnya, konsep itu lebih meyakinkan sekiranya ia dapat membawa perubahan 'material' kepada kehidupan rakyat dan tidak berkompromi pada isu seperti rasuah serta keluhuran undang-undang.

Anwar juga perlu menerangkan gagasan baharu untuk wadah masa depan Melayu supaya mereka dapat melihat matlamatnya dalam membela nasib Melayu. Sudah lama orang Melayu dipengaruhi mesej menakutkan terhadap kaum lain sedangkan kelemahan dari aspek ekonomi selama ini berpunca ketirisan dan tindakan merugikan diri sendiri seperti menyokong pemimpin korup serta memainkan sentimen agama, tanpa memberi penyelesaian pada masalah dasar.

Anwar perlu menandingi mesej politik identiti ini dengan membawa gagasan baharu menggariskan bagaimana bangsa Melayu boleh hidup dalam keadaan bermaruah dan berkeyakinan menghadapi saingan tempatan dan global.

Antaranya, langkah praktikal merekrut pemimpin muda berwibawa dan memberi ruang serta keupayaan untuk membina profil sebagai pemimpin rakyat, selain melaksanakan program mengatasi masalah praktikal rakyat seperti penyediaan pusat jagaan kanak-kanak serta meningkatkan kesediaan generasi pengundi baharu terhadap demokrasi dan membantu mereka bersedia untuk alam kerjaya.

Justeru, parti gabungan PH perlu memfokuskan pembinaan semula struktur parti di kawasan Melayu sebagai asas untuk mendekati dan meyakinkan pengundi. Secara umumnya, tahap sokongan rakyat berdasarkan keberkesanan Kerajaan Perpaduan masih kekal pada tahap selesa dan tidak merosot walaupun terdapat segmen kecewa.

Cabaran besar masih di depan dan kemampuan meningkatkan sokongan bergantung pada kemampuan pemimpin dalam kerajaan serta jentera pelaksana merealisasikan usaha positif seperti penarikan pelabur serta penambahbaikan perkhidmatan kerajaan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH